

11/02/1998

Tiada firma beri maklum balas untuk bergabung

TELEKOM Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) masih belum menerima maklum balas daripada mana-mana syarikat telekomunikasi tempatan yang menimbangkan secara serius untuk melaksanakan proses penggabungan.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Mohamed Said Mohamed Ali, berkata ketika ini tiada satupun syarikat telekomunikasi tempatan menimbangkan secara serius untuk bergabung.

"Bagaimanapun, saya yakin semua syarikat telekomunikasi sedang memikirkan kedudukan masing-masing dengan sesetengahnya berpendapat bahawa penggabungan mungkin mendatangkan manfaat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian antara Telekom Malaysia dan Konsortium MEPS yang dianggotai empat syarikat iaitu MKN Holdings Sdn Bhd, Eastbourne Corporation Bhd, Projass Engineering Sdn Bhd dan Shorfiled Holdings bagi pembinaan Kampus Universiti Multimedia, di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak.

Mengenai sama ada Telekom Malaysia akan mengambil langkah awal bergabung dengan mana-mana syarikat telekomunikasi, Mohamed Said berkata, ia akan berunding dengan syarikat telekomunikasi yang merasakan mereka perlu bergabung ketika itu.

"Buat masa sekarang, tiada mana-mana syarikat menemuinya untuk bergabung dengan Telekom Malaysia, meskipun terdapat desas-desus kononnya ia (Telekom Malaysia) membeli kepentingan US West di dalam Binariang," katanya.

Ditanya adakah Telekom Malaysia akan memiliki rangkaian telekom baru selepas Emartel, beliau berkata, masih terlalu awal untuk menyatakan mengenai perkara itu.

"Kami belum dihubungi oleh mana-mana pihak yang berminat yang hendak dimiliki ketika ini," katanya.

(END)